**Pilih jawapan yang betul.**

1. Aznan tetap akan pergi bermain bola tampar ________ hari hujan.
   A) walaupun
   B) hingga
   C) sejak
   D) terhadap

2. Rusdi menjemput kawan-kawan sekolahnya ________ majlis kesyukuran sempena hari lahirnya yang keenam
   belas.
   A) di
   B) ke
   C) pada
   D) kepada

3. Xian Wei telah menghadiahkan sebatang pen yang berjenama mahal ________ gurunya sempena Hari Guru di
   sekolahnya.
   A) daripada
   B) untuk
   C) kepada
   D) pada

4. Tiada sesiapa pun yang lebih mahir ________pengukiran ais kecuali Encik Pratab.
   A) demi
   B) dalam
   C) terhadap
   D) mengenai

5. Haji Rustam dan Hajah Rosnah mengadakan kenduri kesyukuran ________ menyambut kepulangan anak
   bongsunya dari luar negara.
   A) dengan
   B) tentang
   C) untuk
   D) oleh

6. Kita perlu peka ________ isu-isu yang membabitkan alam sekitar.
   A) terhadap
   B) kepada
   C) untuk
   D) demi

7. Margeret telah dinaikkan pangkat sebagai ketua kerani ________ dia rajin bekerja.
   A) jika

LIVEWORKSHEETS

B) kalau
C) semenjak
D) kerana

8. Hidup Devi sekeluarga bertambah susah ________ suaminya lumpuh tujuh tahun yang lalu.
A) daripada
B) sampai
C) sejak
D) tetapi

9. Sejak Bustamam berjaya melanjutkan pelajaran ke Universiti Perguruan Sultan Idris,dia ________ pernah menulis surat kepada saya.
A) terhadap
B) tidak
C) masih
D) belum

10. Jurulatih bola sepak itu segera menyapukan minyak ________ kaki pemain bola sepak yang mengalami kekejangan otot.
A) kepada
B) pada
C) atas
D) di

11. Cikgu Razak meminta pelajarnya memasukkan kicap ke ________ masakan ayam rendang itu.
A) atas
B) arah
C) pada
D) dalam

12. Dompet berisi wang yang saya jumpai ketika pulang dari rumah nenek akan saya serahkan ________ pihak polis.
A) untuk
B) pada
C) kepada
D) terhadap

13. Sebaik sahaja keputusan PMR diumumkan, kakak saya tidak lalu makan ________ keputusan peperiksaannya mengecewakan.
A) dengan
B) kerana
C) tetapi
D) kalau

14. Pulut panggang akan dibalut ________ daun pisang kemudian disalai atau dipanggang.
A) oleh

LIVEWORKSHEETS

B) atau
C) supaya
D) dengan

15. Hasnani mengirim surat ________ abangnya yang sedang melanjutkan pelajaran di luar negara.
A) terhadap
B) untuk
C) kepada
D) demi

16 Projek perumahan Mega sudah terbengkalai ____________ tiga tahun yang lalu.

A dari
B sejak
C hingga
D sampai

17 Menara Berkembar Petronas terdiri ______________ dua buah bangunan yang sama bentuknya.

A dari
B pada
C dengan
D daripada

LIVEWORKSHEETS

18 Kejayaan kita dalam pelajaran bergantung ____________ daya usaha kita sendiri.

A oleh
B pada
C kepada
D daripada

19 Perompak bank itu menyerah diri __________ pihak polis petang semalam.

A kepada
B dengan
C pada
D ke

20 "Hadiah itu __________ kamu, Zetty," kata Salina.

A pada
B untuk
C dengan
D kepada

21 Murid-murid Tahun 6 Ceria sedang berkumpul __________ padang sekolah.

A di
B ke
C dari
D pada

22 Tabung uji itu jatuh __________ lantai lalu pecah.

A di
B ke
C pada
D kepada

LIVEWORKSHEETS